

17 FEB 2001

Gerakan-politiking

GERAKAN BIDAS PARTI YANG BANYAK POLITIKING

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Parti-parti politik diminta menghentikan politiking dalaman, sebaliknya menumpukan kepada menyelesaikan masalah ekonomi yang dihadapi masyarakat pelbagai kaum, kata Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini.

Berikutan politiking yang keterlaluan, beliau berkata senario politik telah berubah arah, dan cabaran ekonomi jika tidak ditangani boleh menimbulkan konflik perkauman.

Dr Lim berkata parti politik harus menumpukan perhatian terhadap meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar dan penduduk bandar yang berpendapatan rendah.

"Jika masalah sosial ekonomi tidak diselesaikan ia mungkin boleh menimbulkan sentimen perkauman," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa pusat parti itu di sini hari ini.

Beliau berkata Gerakan akan mencadangkan kepada kerajaan untuk menyusun semula dasar ekonomi dan memberikan tumpuan kepada masyarakat yang terpinggir.

Dr Lim berkata sebahagian besar masyarakat luar bandar dan mereka yang kurang berpendidikan mungkin tidak dapat mengikuti peredaran kemajuan di negara ini, walaupun beberapa pelan pembangunan dilaksanakan oleh kerajaan.

Dr Lim, yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata lebih banyak peluang harus diberikan bagi meningkatkan kemahiran pekerja di bandar dan juga memperbaiki tangga gaji kakitangan awam.

Dr Lim berkata jawatankuasa pusat parti itu berharap akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mendapatkan pandangan beliau berkaitan perkara itu.

Sementara itu, berkaitan serangan udara Amerika Syarikat dan Britain terhadap Baghdad, Dr Lim berkata Gerakan mengkeji perbuatan itu, dan masalah itu perlu diselesaikan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

-- BERNAMA

DC AZZ RI